

28 DEC 1997

MAHATHIR SERU KARYAWAN FILEM BIJAKSANA GUNAKAN MSC

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyarankan para karyawan filem dan seniman negara supaya memanfaatkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk membangunkan industri itu ke tahap yang lebih tinggi.

Beliau berkata karyawan filem perlu bijaksana menggunakan kemudahan itu kerana ia dapat mempercepatkan dan memudahkan golongan itu menemui sasaran mereka.

Dalam kata-kata aluan buku cenderamata Festival Filem Malaysia ke-13, beliau berkata melalui pembinaan MSC dan teknologi satelit yang sedia ada, kerajaan membuka luas kepada usahawan, karyawan dan seniman untuk memajukan industri mereka.

"Persepsi dan pendirian kerajaan amat jelas untuk menjadikan industri filem dan media eletronik sebagai penyumbang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata karyawan dan seniman juga perlu memikul tanggungjawab untuk merealisasikan visi kerajaan bagi meletakkan bangsa dan negara di peta dunia.

Beliau juga berharap agar kemajuan dan kemakmuran setiap warga filem tidak melunturkan semangat patriotik pada negara dan bangsa.

-- BERNAMA

NI NAK